

# Kesediaan Abdullah temui Mahathir cerminkan keikhlasan PM – Najib

UM - 19/10/2006

PUTRAJAYA 18 Okt. – Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kesediaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan pertemuan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai mencerminkan keikhlasan Perdana Menteri untuk mencari penyelesaian terhadap pelbagai isu demi kepentingan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Perdana Menteri sanggup melupakan semua kritikan hebat yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir terhadap pentadbiran dan keputusan kerajaan.

Menurut Najib, kesediaan Abdullah untuk bertemu itu adalah suatu yang amat dihargai rakyat terutama ahli-ahli UMNO yang ingin melihat hubungan antara kedua-dua pemimpin itu kembali tenang dan akrab.

“Sudah kena pada masanya Perdana Menteri dan Dr. Mahathir berjumpa kerana ini juga merupakan kehendak sebahagian besar ahli UMNO supaya kedua-dua pemimpin ini dapat bertemu dan bercakap dari hati ke hati.

“Kalau dapat bersemuka dan bercakap

dari hati ke hati mereka dapat meluahkan segalanya dalam keadaan tertutup dan mungkin dapat memberi penjelasan tentang apa jua isu dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan,” katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita di sini hari ini selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont yang mengadakan lawatan rasmi sehari ke Malaysia.

Semalam, Dr. Mahathir menyatakan kesediaannya untuk bersemuka dengan Abdullah dalam tempoh terdekat bagi mere-

dakan ketegangan hubungan antara kedua-dua pemimpin itu.

Mengulas lanjut mengenai pertemuan Perdana Menteri dan Dr. Mahathir, Najib berkata, beliau yakin melalui perbincangan secara tertutup, segala masalah dan rasa tidak puas hati antara kedua-dua mereka dapat diluahkan dengan lebih baik.

Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, beliau dan anggota-anggota parti itu berharap berlaku perubahan ketara dalam perhubungan antara Abdullah dan Dr. Mahathir selepas pertemuan tersebut.